

20/05/2000

Seragamkan perundangan Islam: PM

Jamhariah Jaafar; Hassan Omar

KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir hari ini mengarahkan semua menteri besar dan ketua menteri Barisan Nasional (BN) supaya menyeragam dan menyelaraskan perundangan hal ehwal Islam di negeri masing-masing.

Perdana Menteri juga mahu kerajaan negeri memperhebatkan program pembangunan fardu kifayah bagi memajukan umat Islam secara bersungguh-sungguh selaras tanggungjawabnya terhadap pentadbiran agama pada peringkat negeri.

Antara lain, beliau meminta penyeragaman dan penyelarasan berkenaan perlu membabitkan kurikulum di semua sekolah agama rakyat serta program di masjid dan surau.

Dr Mahathir mengeluarkan arahan itu dalam pertemuan kira-kira dua jam dengan menteri besar dan ketua menteri BN di Jabatan Perdana Menteri di Putrajaya, hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman, yang turut hadir dalam pertemuan itu berkata, mesyuarat itu susulan pelbagai cadangan dan pandangan perwakilan pada Perhimpunan Agung Umno, minggu lalu.

"Perdana Menteri mahu semua menteri besar mengambil tindakan serius dalam menyelaraskan perundangan agama di semua negeri, terutama membabitkan bentuk dan konsepnya.

"Antara penyelarasan yang perlu dibuat membabitkan kurikulum sekolah agama, syarahan di masjid dan surau, dengan penerangan yang menjelaskan agama dalam konteks negara kita. Jangan membiarkan idealisme mengatasi realiti," katanya ketika dihubungi.

Beliau berkata, arahan itu bagaimanapun bukan bermakna kerajaan mengambil alih atau campur tangan dengan kuasa sultan dalam hal ehwal agama, sebaliknya bertujuan menyeragamkan perundangan agama Islam antara negeri.

Katanya, ketua-ketua kerajaan negeri perlu memastikan Majlis Agama Islam negeri berfungsi sepenuhnya dalam melaksanakan tanggungjawab itu.

"Perdana Menteri mahu pelaksanaan pembangunan Islam di peringkat negeri dilaksanakan secara bersepadu. Jangan hanya serahkan kepada Sultan ... semua pihak kena kerja kuat," katanya.

Dr Abdul Hamid berkata, pentadbiran agama Islam adalah dalam bidang kuasa kerajaan negeri dan kerana itu, Perdana Menteri mahukan semua menteri besar dan ketua menteri memberi penekanan terhadap pembangunan fardu kifayah.

"Dr Mahathir mahu mereka berusaha bersungguh-sungguh menuju ke arah itu, bukannya meletakkan tanggungjawab ini hanya kepada Jabatan Kemajuan Agama Islam Malaysia (Jakim) saja.

"Apa yang penting ialah rakyat perlu jelas kedudukan agama Islam sebenar, bukannya terpengaruh dengan tafsiran dan ideologi politik berlatarbelakangkan agama," katanya.

(END)